

26 DEC 2001

Misuari-Isteri

ISTERI MISUARI BIMBANG AKAN KESELAMATAN SUAMINYA

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Isteri Nur Misuari, bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), berkata beliau bimbang akan keselamatan suaminya itu kerana tiada sesiapa dibenarkan berjumpanya sejak beliau ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia pada 24 Nov.

Siti Tarhata Ibrahim berkata beliau bimbang kerana malahan peguam Misuari tidak dibenarkan melawat pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) itu di dalam tahanan.

"Tiada siapa dibenarkan berjumpa Misuari," katanya kepada Bernama di sebuah hotel tempatan di sini hari ini. Beliau ditemani peguam Misuari, Elly Pamatong.

Siti Tarhata tiba di sini bersama-sama tiga anaknya dari Filipina semalam melalui Singapura dengan satu-satunya harapan iaitu mahu bertemu suaminya.

Beliau akan tinggal di Kuala Lumpur sehingga beliau mendapat kebenaran daripada kerajaan Malaysia untuk berjumpa Misuari.

"Saya datang ke sini bersama anak-anak saya agar saya dapat berjumpa suami saya," kata Siti Tarhata, 27. Anaknya -- Nur Redha, 7, Khalid, 4, dan Nur Hata yang berusia sembilan bulan -- turut ada bersama-samanya semasa temubual itu.

Katanya beliau akan menimbang untuk tinggal di Amerika Syarikat seperti dinasihatkan oleh peguam suaminya.

Bekas gabenor yang berpaling tadah itu ditahan pada 24 Nov di Pulau Jampiras dekat Sandakan bersama-sama enam penyokongnya kerana memasuki Malaysia secara haram. Mereka telah melarikan diri ke situ selepas melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan di Selatan Filipina.

Malaysia telah menyatakan bahawa ia bersedia untuk menghantar balik Misuari, manakala kerajaan Filipina telah menyatakan bahawa Misuari akan menghadapi tuduhan memberontak, yang membawa hukuman penjara 20 tahun jika sabit kesalahan.

Pamatong mendakwa Misuari tidak akan mendapat perbicaraan yang adil jika beliau dihantar pulang ke Filipina, dan beliau merayu kepada negara-negara Islam agar campurtangan.

"Saya merayu kepada dunia Islam supaya tampil membantu saudara sesama Islam," katanya.

Beliau berkata Misuari, telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai seorang pendamai di Mindanao, bukannya seorang pengganas seperti didakwa oleh kerajaan Filipina.

"Terdapat perbezaan yang jelas antara seorang pengganas dan seorang pejuang kebebasan," katanya dan menurut beliau seorang pengganas tidak mungkin memperolehi status pemerhati tetap dalam badan antarabangsa seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Pamatong juga berkata beliau masih belum menerima sebarang kebenaran atau pelawaan rasmi daripada kerajaan Malaysia untuk berjumpa Misuari.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kerajaan akan menimbang untuk membenarkan keluarga Misuari melawatnya di dalam tahanan.

-- BERNAMA

MHI HS YBY RHM